



# Empat jam pindah gajah di Kampung Simoi Lama

Oleh **Mohd Rafi Mamat** - Februari 18, 2023 @ 9:04am  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Gajah denak Kasturi dan Rambai digunakan untuk membantu memindahkan gajah jantan di Kampung Simoi Lama. - Foto ihsan PKGK

LIPIS: Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah Lanchang, di sini berjaya memindahkan gajah jantan dianggarkan berusia 44 tahun yang ditangkap di Kampung Simoi Lama, dekat sini, semalam.

Haiwan berkenaan yang menghuni Hutan Simpan Ulu Jelai dipercayai antara kumpulan yang menceroboh kebun dan mengancam keselamatan masyarakat Orang Asli di beberapa penempatan penduduk sebelum ini.

Ketua PKGK Kuala Gandah, Che Ku Mohd Zamzuri Chik Wan Ab Rahman, berkata operasi menangkap gajah jantan itu dilakukan anggota Unit Tangkapan Gajah (UTG) PKGK dengan dibantu kakitangan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Pahang.

Beliau berkata, haiwan seberat kira-kira tiga tan itu ditangkap Selasa lalu, jam 12.25 tengah hari, selepas pihaknya menerima aduan daripada penduduk setempat yang mendakwa haiwan terbabit masuk ke kawasan kebun mereka.

Katanya, gajah yang mempunyai sepasang gading dan terpisah daripada kumpulannya itu berada dalam keadaan sihat dan sebelum ini menjadikan Hutan Simpan Ulu Jelai sebagai habitat semula jadi.

"Kami terpaksa menarik gajah liar ini kira-kira satu kilometer ke tempat menaiki lori dan perjalanan untuk keluar melalui jalan balak sejahter lebih lapan kilometer. Operasi bermula jam 9 pagi selesai empat jam kemudian.

"Dua gajah denak Kasturi dan Rambai digunakan untuk memujuk dan menarik gajah liar berkenaan ke atas lori. Seramai 26 kakitangan PKGK Kuala Gandah dan UTG PERHILITAN Pahang terbabit dalam operasi berkenaan," katanya, di sini hari ini.



Gajah denak Kasturi dan Rambai digunakan untuk membantu memindahkan gajah jantan di Kampung Simoi Lama. - Foto ihsan PKGK

Che Ku Mohd Zamzuri Chik berkata, gajah jantan berkenaan akan dilepaskan di habitat asal yang jauh daripada penempatan manusia selain mempunyai sumber makanan yang banyak.

Katanya, operasi memindahkan gajah di Kampung Simoi Lama semalam adalah operasi ketiga dilakukan pihaknya di Pahang tahun ini, dengan dua operasi sebelum ini dilakukan di Kampung Teruh, Karak.

"Operasi menangkap dan memindahkan gajah jantan di Kampung Simoi Lama dilakukan susulan kejadian serangan haiwan terbabit terhadap penduduk Orang Asli di Pos Betau dan Pos Senderut sebelum ini yang mengorbankan dua nyawa.

"Usaha menangkap dan memindahkan haiwan terbabit akan terus dilakukan secara berperingkat sekiranya kumpulan gajah berkenaan terus mengancam keselamatan penduduk Orang Asli yang sebelum ini sentiasa berada dalam keimbangan sejak akhir tahun lalu," katanya.

Dalam kejadian bulan lalu, seekor gajah jantan menyerang hingga menyebabkan kematian remaja Orang Asli, Andy Yok Manin, 15, di Kampung Tual B, Pos Senderut.

Kumpulan gajah berkenaan dipercayai turut menyerang dengan memijak hingga menyebabkan kematian seorang wanita Orang Asli di Kampung Simoi Baru, Pos Betau, pada 7 Disember tahun lalu.